

# IECSB dapat kontrak RM65.05 juta

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Corporation Bhd, Ireka Engineering and Construction Sdn Bhd (IECSB), telah berjaya mendapatkan kontrak bernilai RM65.05 juta daripada Persys Sdn Bhd.

Dalam kenyataan kepada

Bursa Malaysia hari ini, Ireka Corp berkata IECSB telah dilantik menjadi sub-kontraktor untuk pembinaan dan penyiapan “Viaduct Guideway” serta kerja-kerja berkaitan dari Bandar Tun Hussein Onn ke Taman Mesra. “Kon-

trak itu ialah untuk tempoh 47 bulan,” katanya.

Kontrak itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan Ireka Corp untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac, 2013. — Bernama